



**KENYATAAN RASMI**  
**PUSPANITA CAWANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bagi Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke 37 Tahun 2021 Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan pada 6 Mei 2021 telah bersetuju untuk mencadangkan jawatan Penolong Setiausaha, jawatan Penolong Bendahari serta perwakilan dan simpanan perwakilan yang akan ke Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) PUSPANITA Kali Ke 39 diberikan mandat kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah untuk pemilihan.

Tujuannya adalah supaya Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dapat memilih calon yang bersesuaian untuk bersama dengan seluruh Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah bagi menjayakan pengurusan PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah.

Selain itu, berhubung dengan perlantikan perwakilan dan simpanan perwakilan, seringkali berlaku pada tahun-tahun sebelum ini iaitu perwakilan atau simpanan perwakilan yang dipilih dalam mesyuarat agung tidak dapat memberikan komitmen menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) pada tarikh yang ditetapkan dan perlu digantikan dengan ahli PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah yang tidak dipertandingkan sebagai perwakilan.

Sehubungan itu, seperti tahun 2020, dipohon mandat diberikan kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah bagi pemilihan perwakilan ini dan simpanan perwakilan pada tahun ini. Perkara ini telah diangkat ke pertimbangan dan disokong oleh ahli Mesyuarat Pre-Council Bagi Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke 37 Tahun 2021 Bilangan 1 Tahun 2021 yang bersidang pada 9 Mei 2021.

Oleh itu, 'Mandat Kepada Pengerusi' akan dipertandingkan untuk pengundian bersama dengan calon-calon yang berjaya untuk bertanding dalam sesi pengundian semasa Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah Darul Aman Kali Ke-37 Tahun 2021 pada 27 Mei 2021.

Sekian, dimaklumkan.

**NOOR AKMAR BINTI DATO' WIRA MOHD OMAR**

Setiausaha PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah

25 Mei 2021